

27 September 2018

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi SPOC Maran

MPOB telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk SPOC Maran. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC C2)	
Kumpulan Pekebun Kecil	SPOC Maran
Bilangan Ahli Pekebun Kecil	50 ahli
Alamat	Temerloh, Pahang
Rujukan GPS	102° 25' 14.82" E ; 3° 27' 05.77" N
Luas kebun	150.49 ha

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan untuk SPOC Maran pada 1-3 November 2018. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-2:2013 – *General principles for independent smallholders*.

Salinan standard boleh didapati secara atas talian di <http://www.msonline.gov.my/catalog.php>. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama untuk SPOC Maran terdiri daripada:

Mohd Hafiz Mat Hussain sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Undang-Undang, temuduga stakeholder dalaman dan luaran) dan **Muhamad Naquiddin Mazeli** sebagai Juruaudit (Aspek Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan, Aspek Alam Sekitar, HCV, Aspek Undang-undang & Sosial)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- *Free, Prior and Informed Consent*
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan

- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengurus Skim seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Atapun, pendapat dan pandangan anda boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Operasi

En. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU

Auditee:

Ms Amiratul Azzuwana Aniqah Abdul Rahman
Research Officer
Sustainability, Conservation & Certification Unit
Malaysia Palm Oil Board (MPOB)
Tel : 603 8769 3945
Fax : +603 6201 2150
Email : sheila@wildasia.org

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim